

10/06/2004

Pemilihan calon berpotensi jadi nombor dua Umno

By Kadir Dikoh

PENGUMUMAN Datuk Hishammuddin Hussein untuk mempertahankan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada pemilihan di Perhimpunan Agung parti ke-57 September ini, mengakhiri teka-teki yang sudah berlegar sejak beberapa bulan lalu.

Sekali gus juga, Menteri Pelajaran itu menutup tirai buat sementara untuk mengintai jawatan Naib Presiden Umno - jawatan yang dilihat sebagai hierarki untuk ke puncak dalam parti berusia 58 tahun itu.

Hishammuddin pasti sudah membuat perkiraan secara mendalam dan 'petunjuk' arah mana yang akan dituju. Beliau mahu meneruskan kepemimpinan Pemuda untuk sepenggal saja lagi.

Langkah itu dikira bijak dan menunjukkan beliau tidak gopoh dalam membuka langkah untuk naik ke tangga hierarki yang lebih tinggi dalam parti. Sejarah dalam Umno juga menyaksikan kegopohan seseorang untuk naik secara mendadak, akan jatuh dengan cepat.

Bagaimanapun, persaingan untuk jawatan Naib Presiden tetap sengit kali ini tetapi tidak semestinya tiga calon yang menang itu nanti, bakal mengiringi Datuk Seri Najib Razak ke puncak.

Berdasarkan sejarah dalam Umno, hanya mereka yang bernasib baik dan berada di barisan Naib Presiden tepat pada waktu dan ketikanya saja boleh naik. Maknanya, mereka yang menjadi Naib Presiden pada waktu hampir peralihan kuasa pada peringkat Presiden dan Timbalan Presiden akan berpeluang besar untuk naik ke jawatan nombor dua dan faktor usia turut memainkan peranan.

Kerana itu juga, perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno dikatakan lebih cenderung untuk memilih mereka yang berpotensi menjadi orang nombor dua dalam parti, manakala dua orang lagi dipilih bagi menseimbangkan keadaan.

Namun, kebiasaannya terpulang kepada bakal Presiden Umno untuk memilih seorang daripada kalangan tiga Naib Presiden untuk menjadi orang nombor dua dalam parti tanpa mengira kekananan seseorang itu (berdasarkan jumlah undi tertinggi).

Dalam sejarah Umno, mereka yang pernah menjadi Naib Presiden dan kemudian naik menjadi Timbalan Presiden ialah Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan September ini pula, Datuk Seri Najib Razak.

Tidak semuanya berjaya menjadi Presiden, malah ramai lagi pemimpin Umno yang berakhir setakat Naib Presiden.

Ada yang berpendapat, Pak Lah dijangka berada di puncak untuk sekurang-kurangnya 10 tahun lagi. Ini bermakna akan berlaku beberapa pertandingan lagi dalam beberapa pemilihan dalam parti sepanjang tempoh itu.

Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden sudah bagaikan 'out of bound' iaitu secara tradisinya dimenangi tanpa dicabar. Tetapi untuk naik ke jawatan Timbalan Presiden memang begitu sukar. Najib sendiri sudah memegang jawatan Naib Presiden selama tiga penggal, semuanya dimenangi dengan jumlah undi tertinggi.

Untuk itu, Hishammuddin tidak boleh lagi pegang jawatan Ketua Pemuda Umno selepas penggal akan datang. Beliau perlu pergi bertanding jawatan Naib Presiden pada pemilihan 2007. Pada zaman sekarang ini, jurang usia sekurang-kurangnya 10 tahun jarak di antara Presiden, Timbalan Presiden dan Naib Presiden, bagaikan menjadi ukuran pilihan.

Pak Lah sendiri berusia 65 tahun iaitu pada jarak 14 tahun usianya

dengan Dr Mahathir manakala Najib pula berusia 51 tahun, juga jaraknya 14 tahun dengan Pak Lah. Hishammuddin kini berusia 43 tahun iaitu lapan tahun jarak dengan usia Najib.

Jarak usia di antara Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Razak Hussein adalah 19 tahun tetapi Tun Hussein lebih tua 27 hari saja daripada Tun Razak. Tun Hussein pula tua cuma tiga tahun daripada Dr Mahathir.

Sesetengah pihak berpendapat, selepas Hishammuddin, Umno mencari mereka yang berusia pada peringkat awal 30-an sekarang untuk gandingannya pada masa akan datang.

Itulah jarak umur yang dikatakan sesuai pada zaman sekarang berdasarkan hieraki dalam parti tetapi dalam proses itu juga, pelbagai halangan akan terpaksa dilalui dan tidak semua akan berjalan lancar seperti dirancang.

Bekas Timbalan Ketua Setiausaha Sulit II kepada Perdana Menteri, Khairy Jamaluddin yang berusia 29 tahun, sudah mula mendapat pencalonan untuk bertanding jawatan Naib Ketua Pemuda Umno.

Pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno 24 Mei lalu, nama Khairy dikatakan turut dibincang dan beberapa ahli dikatakan berpendapat Khairy perlu diberi peluang dan dibenarkan bertanding jawatan Naib Ketua Pergerakan Pemuda, untuk berganding dengan Hishammuddin.

Petunjuk awal ke arah itu ialah apabila Pemuda Umno Perak mencalonkan Hishammuddin dan Khairy bagi jawatan Ketua dan Naib Ketua Pemuda.

Sebelum ini, ada empat calon di kalangan exco Pemuda berminat untuk jawatan nombor dua iaitu Datuk Azimi Daim, Datuk Norza Zakaria, Datuk Abdul Hamid Mohd Nazahar dan Ikmal Hisham Abdul Aziz.

Namun, mereka dikatakan bersedia memberi laluan jika Khairy berminat untuk jawatan Naib Ketua.

Keempat-empat mereka itu selain Khairy masih layak dalam Pemuda kerana berusia di bawah 40 tahun tetapi 16 rakan mereka dalam exco sudah melebihi had umur 40 tahun.

Mereka yang terpaksa melepaskan jawatan exco kali ini ialah Naib Ketua, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, Wan Mohammad Khairil Anuar, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, Said Annuar Said Ahmad, Datuk Dr Adham Baba, Ismail Sabri Yaakob, Ezanee Abdullah, Datuk Shaziman Abu Mansor, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir, Azman Shah Omar Shah, Warno Dogol, Datuk Zahidi Zainul Abidin, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh, Juhari Janan dan Datuk Abdul Rauf Yusof.

Mereka yang sudah jadi YB seperti Adham, Zambry, Abdul Aziz dan Ismail Sabri selain Shaziman, kemungkinan bertanding jawatan MT Umno.

Persoalan juga timbul iaitu ke mana seorang lagi exco Pemuda, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo? Sebelum ini Menteri Besar Selangor itu berminat bertanding jawatan Ketua Pemuda jika Hishammuddin tidak mempertahankannya.

Apakah beliau berminat untuk jawatan Nombor 2 dalam Pemuda atau cuma bertanding jawatan MT Umno? Hishammuddin dikatakan lebih berminat untuk beregu dengan Khairy memimpin Pemuda.

Sudah pasti saingan untuk exco Pemuda kali ini sengit kerana lebih separuh anggota exconya terpaksa mengucapkan `sayonara' kerana usia lebih 40 tahun. (Jawatan Ketua Pemuda tiada had umur). Bekas Imam Masjid Negara, Datuk Pirdaus Ismail yang baru dilantik ke dalam exco, sudah pasti mahu bertanding.

Namun, ada juga kumpulan tertentu di bahagian ini dikatakan sudah menamakan diri mereka sebagai `calon Talasco' (Tahan Lasak Company).

Talasco? Dikatakan bahawa golongan ini memakai jenama itu dengan mengemukakan manifesto 20 perkara melalui mesej untuk menyekat politik wang.

Kumpulan calon Talasco ini dikatakan berpakat untuk menghadkan cuma 20 orang bertanding pada peringkat exco berdasarkan jumlah pencalonan tertinggi.

Dengan moto untuk melahirkan Pemuda terbilang dan tahan lasak dalam

semua sektor, kumpulan ini mahu bersandarkan kepada semangat serta idealisme tanpa penggunaan wang ringgit bagi mendapat kemenangan.

Apapun segala-galanya terpulang kepada perwakilan Umno untuk memilih siapa yang mereka fikir layak sama ada untuk jawatan Naib Presiden, ahli MT, Ketua Puteri dan Naib Ketua Pemuda.

(END)